

11/06/1997

BPR boleh siasat pihak guna proksi

JOHOR BAHRU, Selasa - Badan Pencegah Rasuah (BPR) boleh menyiasat mana-mana pihak, termasuk Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Johor yang menggunakan proksi untuk berniaga.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata BPR diberi kebebasan menyiasat jika terbukti pegawai kerajaan atau Exconya menggunakan nama keluarga atau saudara mara untuk berniaga.

"Kerajaan negeri tidak ada halangan jika BPR ingin menyiasat mana-mana pihak termasuk Exco yang menggunakan proksi untuk mengumpul harta.

"Ini kerana mereka sudah diarah supaya tidak terbabit dalam bidang perniagaan sebelum dilantik sebagai Exco," katanya selepas melancarkan Program Sekolah Angkat Perhubungan Umno negeri di Sekolah Menengah Perumahan Tampoi, di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Mohd Ali Hassan, Ahli Exco dan Ahli Parlimen Johor Bahru selaku Pengerusi Biro Pendidikan Umno negeri, Mohamed Khaled Nordin.

Abdul Ghani berkata, setakat ini belum ada Exco terbabit dalam bidang perniagaan dan jika ada, ia adalah di luar pengetahuannya.

Mengenai pengisytiharan harta, beliau berkata, setiap dua tahun Exco perlu mengisytiharkan harta kepadanya dan beliau pula mengisytiharkan hartanya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, semua pegawai kerajaan di negeri itu pula diarah mengisytiharkan harta masing-masing kepada Setiausaha Kerajaan Negeri (SKN).

Abdul Ghani turut menyokong kenyataan Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang akan bertindak tegas terhadap pegawai kerajaan hidup mewah melebihi pendapatan.

Beliau berkata, sudah sampai masanya tokoh dan pegawai atasan yang terbabit dengan rasuah dikenakan tindakan undang-undang sewajarnya.

"Kerajaan negeri mengalu-alukan penekanan yang diambil oleh Pemangku Perdana Menteri kerana perbuatan mereka boleh menjejaskan jentera pentadbiran kerajaan," katanya.

(END)